

14 MAR 2003

Muhammad-PAS (Bergambar)

PAS PERLU HENTIKAN GUNA ISU SAR UNTUK KEPENTINGAN POLITIK

KOTA BAHARU, 14 Mac (Bernama) -- PAS tidak sepatutnya lagi menggunakan isu sekolah agama rakyat (SAR) sebagai bahan politik kerana Majlis Raja-Raja telah merestui cadangan penyelesaian kerajaan berhubung isu-isu pendidikan Islam, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Beliau berkata sekiranya PAS terus menggunakan isu itu untuk menabur fitnah terhadap kerajaan, menunjukkan parti itu tidak menghormati keputusan dan nasihat Majlis Raja-Raja.

"Saya percaya selepas Majlis Raja-Raja membuat keputusan bersetuju dengan cara yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) menangani isu sekolah agama rakyat, PAS akan meneruskan tindakan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung berkelompok cawangan-cawangan Umno bahagian Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Muhammad mengulas keputusan Majlis Raja-Raja pada mesyuarat ke-196 yang merestui cadangan penyelesaian kerajaan berhubung isu-isu pendidikan Islam dengan mengambil kira memorandum daripada semua pihak yang dipersembahkan kepada raja-raja.

Beliau percaya keputusan itu dibuat selepas Majlis Raja-Raja memikirkan perkara itu semasak-masaknya dan mendapati langkah-langkah kerajaan itu memberi kebaikan kepada semua.

"PAS banyak menyelewengkan fakta bila berceramah di merata tempat, mereka tidak bercakap benar. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh Majlis Raja-Raja adalah satu keputusan yang amat penting yang elok sangat diambil berat oleh semua pihak termasuk pemimpin PAS," katanya.

Muhammad berkata sepatutnya PAS tidak lagi menggunakan isu sekolah agama rakyat semata-mata untuk tujuan politik kerana pihak yang bertanggungjawab menjaga agama di peringkat negeri adalah raja.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang ditemui di sini, enggan mengulas keputusan Majlis Raja-Raja itu.

Dalam perkembangan lain, Muhammad yang ditugaskan mengkaji cadangan Umno Kelantan dan Terengganu supaya nama calon pilihan raya BN diumumkan lebih awal, berkata belum ada keputusan mengenainya dan maklumat balas dari semua pihak sedang dikumpulkan.

"Keputusan akan dibuat oleh pucuk pimpinan parti, buat masa ini semua laporan yang saya perolehi diserahkan kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya yang tidak berhasrat untuk mendedahkan isi kandungan laporan yang diterimanya.

Beliau percaya pucuk pimpinan dan jawatankuasa pengurusan parti akan memikirkan semasak-masaknya perkara itu untuk kebaikan di Kelantan dan Terengganu.

-- BERNAMA

BD RON